

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HKT 322 – Teori dan Kaedah Dalam
Kesusasteraan Bandingan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan dalam **DUA [2]** bahagian iaitu **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**. Jawab **EMPAT [4]** soalan, **DUA [2]** dari **BAHAGIAN A** dan **DUA [2]** dari **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A

1. Dengan merujuk kepada beberapa buah karya sastera dari dua benua, jelaskan mengapa karya-karya sastera boleh dan sewajarnya dikaji secara perbandingan. Juga bincangkan maksud dan kemungkinan masalah bagi kajian sastera melewati batas-batas kebangsaan dan merentasi batas-batas ekspresi seni.
2. Jelaskan dinamika perhubungan antara dimensi kebangsaan dan dimensi kesarwajagatan dalam Ilmu Kesusteraan Bandingan di zaman awalnya. Seterusnya, bincangkan kegunaan dan permasalah konsep-konsep dan istilah-istilah seperti “karya asli”, “sastera kebangsaan”, dan “sastera dunia”, dalam konteks perhubungan tersebut.
3. Jelaskan fenomena *Eurocentrism* di dalam Kesusteraan Bandingan di zaman awalnya. Dengan contoh-contoh yang bersesuaian, bincangkan ciri-ciri utamanya serta pengaruhnya ke atas kajian sastera sekarang.

4. Dengan merujuk kepada tokoh-tokoh dan negara-negara tertentu, bincangkan secara kritis perkembangan dan peranan Kesusasteraan Bandingan dalam zaman pasca-kolonial, yakni semenjak negara-negara di Asia dan Afrika mendapat kemerdekaan.

BAHAGIAN B

5. Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan "genre sebagai sebuah institusi." Merujuk kepada contoh-contoh karya sastera yang sesuai bincangkan bagaimana pendekatan generik dapat menjelaskan "genre sebagai sebuah institusi."
6. Bincangkan maksud pendekatan periode dan jelaskan ciri-ciri penggerakan sastera dan bandingkannya dengan ciri-ciri angkatan. Nyatakan secara kritis kekuatan dan kelemahan pendekatan periode.
7. Jelaskan maksud pendekatan genetik. Kemudian bincangkan pola penerimaan yang dilakukan oleh Shahnon Ahmad melalui cerpen "Wan Empuk Kakak Wan Malini" terhadap satu episod di dalam *Sejarah Melayu*.
8. Timbul pelbagai permasalahan apabila karya sastera mahu diadaptasikan ke sebuah filem. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai bincangkan permasalahan itu.

--oo000oo--